

28 MAR 1997

Mahathir - MSC

DR MAHATHIR KATA TEKNOLOGI TIDAK HARUS PINGGIRKAN ELEMEN KEMANUSIAN

Oleh: Syed Jamil Jaafar

FUKUOKA, 28 Mac (Bernama) -- Malaysia akan berusaha untuk memastikan supaya dalam menerima pakai teknologi baru ia tidak akan kehilangan elemen kemanusiaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau mengingatkan bahawa mereka yang ghairah menerima teknologi mungkin terlupa bahawa mereka adalah manusia dan hilang ciri-ciri nilai kemanusiaan mereka.

"Kami harap ia tidak akan berlaku tetapi untuk memastikannya, kita perlu memikirkan bagaimana menangani cara-cara berkomunikasi yang tidak memerlukan kita melihat antara satu sama lain tetapi masih menyedari bahawa ada manusia di sebelah sana yang membuat kita tidak boleh bersikap kasar atau biadab," kata beliau.

"Kita perlu elakkan ini dan inilah sebabnya Malaysia dari awal lagi memberi penekanan kepada elemen kemanusiaan," kata beliau pada sesi soal jawab dengan peserta Dialog Fukuoka, satu forum antarabangsa yang dihadiri oleh pemimpin-pemimpin korporat Malaysia dan Jepun, para profesional dan pegawai kerajaan.

"Teknologi mesti dipergunakan untuk kebaikan manusia dan bukan hanya untuk mendapatkan wang atau keselesaan."

Sebelum itu Dr Mahathir menumpukan sebahagian besar ucapan tamanya bagi menjelaskan mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) yang antara lain berhasrat mewujudkan kerajaan elektronik tanpa kertas.

Kata beliau Malaysia sebenarnya tidak ada pilihan melainkan menerima kerajaan elektronik oleh kerana beban kerja kerajaan telah bertambah dengan mendadak sekali.

Contohnya, kata beliau, jumlah rakyat Malaysia yang ke luar negara telah meningkat dari kira-kira 15,000 pada satu ketika dahulu ke kira-kira 16 juta setahun sekarang dari jumlah penduduk kira-kira 20 juta.

Kalau sekiranya pada masa lepas 15,000 pasport dikeluarkan, sekarang 16 juta perlu dikeluarkan.

"Jepun dengan jumlah penduduk lebih dari 100 juta, hanya 13 juta ke luar negara setiap tahun," kata beliau sebagai membayangkan perlunya beban kerja kerajaan diringkaskan melalui penggunaan teknologi dan bukan dengan mengambil lebih ramai kerani kerajaan.

Dr Mahathir berkata walaupun terdapat pada mulanya pekerja-pekerja kerajaan yang khuatir akan kerajaan tanpa kertas, perlu diingatkan bahawa dunia sebenarnya mempunyai kerajaan-kerajaan tanpa kertas sebelum ini, iaitu sebelum kertas ditemui.

Kata beliau kerajaan elektronik akan dapat mengurangkan jangka masa yang diperlukan untuk berurusan dengan kerajaan dan pada masa yang sama menjadikan pentadbiran lebih telus dan dengan itu mengurangkan rasuah. --

BERNAMA

SJ WAT